

02/03/2002

Tentera Darat sedia hadapi cabaran masa depan

Suleiman Moideen Kutty

TANGGAL 1 Mac 2002, genap 69 tahun usia Tentera Darat (TD). Mengimbas kembali sejarah, terpancar pelbagai peristiwa suka dan duka bukan saja kepada pejuang TD, malah rakyat yang cintakan tanah air dan menghargai kemerdekaan sejati .

Mengimbas kembali sejarah Tentera Darat yang ditubuhkan pada 1 Mac 1933 dengan kekuatan satu kompeni percubaan terdiri daripada 25 anak Melayu yang ketika itu diragui kebolehan mereka oleh penjajah Inggeris.

Bagaimanapun, pembentukan itu selesai menjelang 1936 apabila empat daripada 25 orang menjadi anak Melayu pertama ditauliahkan sebagai pegawai Tentera Darat. Mereka adalah Ariffin Sulaiman, Ibrahim Sidek, Ismail Tahir dan Raja Lope Nor Rashid Raja Sulaiman.

Rejimen ini terus berkembang menjadi satu batalion penuh yang dikenali sebagai Batalion Pertama Rejimen Askar Melayu pada 1 Januari 1938. Batalion Kedua ditubuhkan 1 Disember 1941 iaitu enam hari sebelum Perang Dunia Kedua bermula di Malaya. Kedua-dua batalion ini menunjukkan kebolehan mereka dalam peperangan menentang tentera Jepun.

Selepas perang, negara dilanda pula oleh ancaman Komunis dan keadaan Darurat diisytiharkan pada 1948. Keadaan ini memerlukan pembesaran Tentera Darat dan menjelang tahun 1950 kekuatan Rejimen Askar Melayu telah ditambah menjadi tujuh batalion.

Pada zaman darurat, TD sudah melihat penubuhan pasukan berbilang bangsa iaitu Rejimen Persekutuan dan Skuadron Kereta Perisai Persekutuan pada 1952.

Selepas negara mencapai kemerdekaan pada 1957, Tentera Darat berkembang maju dan lengkap untuk menjalankan operasi melawan insurgensi.

Kini Tentera Darat sedang pesat dipermodenkan sebagai satu pasukan tentera konvensional yang mampu untuk menghadapi cabaran masa depan.

Sebelum ini, TD menumpukan kepada usaha menghapuskan pengganas komunis, tetapi sejak termeterainya perjanjian pada 2 Disember 1989 dan peletakan senjata.

Parti Komunis Malaya (PKM), kita melangkah ke arah persiapan latihan bersifat konvensional walaupun latihan peperangan insurgensi masih diteruskan.

Kini, TD menjadi tulang belakang ATM dalam benteng pertahanan negara dan sentiasa bersedia untuk terus kekal sebagai aset negara dan mampu membekalkan kepada kerajaan dan rakyat satu angkatan darat yang berupaya dan terlatih. Warga TD yang mempunyai pelbagai kemahiran dan kepakaran semestinya berasa bangga berkhidmat dalam Tentera Darat.

Panglima Tentera Darat yang ke-18, Jeneral Tan Sri Md Hashim Hussein dalam wawasannya mahu menjadikan TD organisasi berkeupayaan untuk menghadapi segala cabaran pada alaf baru ini.

Katanya, TD akan memberi keutamaan yang tinggi terhadap keperluan dan kehendak semasa, setiap peringkat pegawai dan anggota TD perlu dilatih dan dibentuk secara sistematik, berterusan dan progresif kerana mereka adalah aset utama kepada negara.

Pembabitan TD dalam misi keamanan dunia sejagat akan diteruskan dengan menghantar pegawai dan anggotanya dalam tugas staf pemerhati dan tugas pengaman di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan terbaru misi kemanusiaan di Chaman ,Pakistan, Tim Perubatan sudah pun berada di sana sejak 31 Disember 2001 dengan dikenali sebagai MALMEDTIM 1 dan terkini MALMEDTIM 2 yang akan bertugas di sana selama empat bulan.

Seluruh anggota TD mestilah melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing dengan jujur, ikhlas, berpengetahuan dan dedikasi yang tinggi dalam menyempurnakan amanahnya.

Warga TD hendaklah mengekalkan budaya kasih dan berbangga terhadap perkhidmatan, sentiasa menjaga maruah dan imej profesional perkhidmatan serta sentiasa memelihara mutu tatatertib serta disiplin yang tinggi di mana saja.

Warga TD juga perlu sentiasa berusaha mempertingkatkan dan menyuburkan daya intelektual dan memupuk minda terbuka khususnya dalam bidang kepakaran masing-masing berlandaskan kepada budaya ilmu.

Sebagai teras kepada benteng pertahanan negara, seluruh warga TD perlu sentiasa mempunyai sikap waspada, berkeadaan siap sedia dan peka terhadap perkembangan semasa dan perubahan.

Ketika berucap pada perasmian Operasi Pasukan Atur Gerak Cepat ATM di Langkawi pada Oktober 1994, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menjelaskan kemakmuran dan kesejahteraan negara tidak akan kekal kalau ia tidak dijaga dan dilindungi.

Katanya, kita tidak boleh lalai dalam hal mempertahankan kepentingan negara yang meliputi kemerdekaan, keamanan, kesejahteraan dan kemakmuran.

"Kerajaan amat peka dan sedar betapa pentingnya tanggungjawab angkatan tentera dalam sistem kenegaraan. Tidak boleh dinafikan bahawa ATM adalah satu daripada ciri-ciri kuasa dan kekuatan negara, atas kesedaran inilah kerajaan menggariskan dalam Dasar Pertahanan Negara supaya satu Angkatan Tentera yang profesional, bersih dan berwibawa dilahirkan," kata Dr Mahathir.

Keselamatan adalah hak dan tanggungjawab semua individu bergelar warganegara Malaysia dan bukan terletak semata-mata atas bahu pasukan keselamatan saja. Kekuatan sesebuah negara sebenarnya terletak di atas bahu rakyatnya yang sama-sama komited, berdiri teguh dan sentiasa bersedia mempertahankan kedaulatan negara.

Sungguhpun ancaman komunis sudah lenyap, TD perlu juga terus memberi perlindungan keselamatan kepada negara. Justeru, kerajaan berjaya melaksanakan rancangan pembangunan dengan lancarnya tanpa gangguan komunis.

TD seharusnya berupaya menghalang musuh yang berpotensi akan menyerang dan sekiranya tindakan menghalang itu gagal, maka ia perlu mempunyai keupayaan untuk berjuang, bertahan dan mengalahkan musuh.

TD wujud untuk mempertahankan kedaulatan dan keutuhan Malaysia. Inilah yang akan terus dilakukan pada masa akan datang. Dan inilah yang akan terus dilakukan sekarang dan pada masa depan iaitu sedia berkorban untuk negara.

Justeru, setiap lapisan masyarakat perlu tampil dengan semangat patriotik bersama-sama menyahut cabaran negara dengan menyertai TD atau Askar Wataniah.

Generasi hari ini perlu sedar akan tanggungjawab mereka supaya negara terus maju dan berpandangan jauh ke depan.

Semangat perwira perlu disemaikan pada peringkat sekolah rendah agar mereka mengetahui perjuangan nenek moyang yang terdahulu haruslah ada kesinambungan.

Perjuangan mesti diteruskan. Tentera Darat akan `Sentiasa di Depan' dalam pelaksanaan tanggungjawab secara efektif dan efisien.

(END)